

# Utusan Malaysia - Proses Pembayaran BR1M Selesai Dalam Tempoh Seminggu

📅 Khamis, Mac 01 2018

## Proses pembayaran BR1M selesai dalam tempoh seminggu

**PUTRAJAYA 28 Feb.** - Proses pembayaran Bantuan Rakyat Malaysia (BR1M) kepada penerima yang masih belum menerima bantuan tersebut dijangka selesai dalam tempoh seminggu lagi.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, pihaknya menjangkakan sehingga Jumaat ini, antara 80 hingga 90 peratus penerima akan menerima bantuan tersebut.

"Bagi yang masih belum menerima bantuan ini mereka perlu tunggu dalam tempoh seminggu kerana bayaran ini akan dimasukkan ke dalam akaun secara berperingkat-peringkat sejak kelmarin.

"Jika selepas tempoh itu ada isu berbangkit, mereka boleh menelefon pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk menyelesaikan masalah yang timbul," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Tahun Baharu Cina Jabatan Kastam Diraja Malaysia



Bagi yang masih belum menerima bantuan ini mereka perlu tunggu dalam tempoh seminggu kerana bayaran ini akan dimasukkan ke dalam akaun secara berperingkat sejak kelmarin."

UTUSAN 1/3

**JOHARI ABDUL GHANI**  
Menteri Kewangan II

di sini hari ini.

Sabtu lalu, Ketua Setiausaha Perbadanan Perumahan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, kira-kira 7.2 juta isi rumah dan individu bujang yang berkecukupan akan mula menerima BR1M secara berperingkat-peringkat.

Mohd. Irwan berkata, pembayaran itu akan dibuat secara tiga kali ansuran dengan peruntukan dianggarkan RM6.3 bilion.

Dalam pada itu, ditanya sama ada isu berkaitan bilionair, Ro-

bert Kuok dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet hari ini, Johari berkata, isu tersebut telah diperjelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam dan ia tidak perlu dibawa ke peringkat Kabinet.

"Perdana Menteri dalam kenyataannya menyebut bahawa beliau tidak pernah mempertikai sumbangan tokoh korporat itu kepada ekonomi negara dan isu tersebut tidak berbangkit lagi," katanya.